

Pakatan Putra-PN tidak berbangkit

PUTRAJAYA: Cadangan penyeretaan atau pakatan antara Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (Putra) dengan Perikatan Nasional (PN) dalam usaha membentuk gabungan kekuatan parti Melayu terbesar di negara ini tidak berbangkit pada masa ini.

Setiasaha Agung Putra, Rosdi Idris berkata, dakwaan berhubung langkah pakatan itu tidak mencerminkan keputusan Ahli Dewan Tertinggi (ADT) Putra yang dibuat selepas mesyuarat pada 7 Mac lalu.

“Kedua-dua isu termasuk isu penukaran nama Putra kepada GTA tidak pernah disentuh dalam mesyuarat ADT Putra setakat ini.

“Ini juga selaras dengan kenyataan Presiden Putra, Datuk Ibrahim Ali pada 3 Mac lalu yang menyatakan segala keputusan akan diketahui selepas Persidangan Agung Tahunan Putra kali Ke-4 yang dijangka berlangsung pada 7 Mei nanti,” katanya dalam kenyataan semalam.

Semalam *Utusan Malaysia*



DR. Mahathir Mohamad dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Putra pada 7 Mac lalu di ibu pejabat parti itu di Kuala Lumpur, baru-baru ini. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

melaporkan, Gerakan Tanah Air (GTA) bakal mengambil pendirian membentuk pakatan bersama PN sebagai satu usaha membentuk gabungan kekuatan parti Melayu terbesar di negara ini.

Menurut sumber parti itu

kepada akhbar ini, hala tuju GTA akan diperincikan selepas mesyuarat agung tahunan Putra dengan memutuskan untuk merombak Putra dan ditukarkan nama kepada GTA.

Kata beliau, GTA akan mengangkat Tun Dr. Mahathir Mo-

hamad sebagai Presiden dengan membentuk gabungan bersama parti-parti di bawah gerakan itu sebelum ini seperti Parti Perikatan India Muslim Nasional (IMAN) dan Parti Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia (Berjasa).